



الجامعة الإسلامية العالمية
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُؤَيِّدُ رَيْسُ الْإِسْلَامِ أَنْتَارَاوِيغِيَا مَلَيْسِيَا

(Company No. 101067-0)

OFFICE OF THE CAMPUS DIRECTOR

Our Ref : IUM/220/G/9/6

Date : 6 Mac, 2009

Saudara Saupi Azran
Setiausaha KURNIA
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara,


**MAKLUMAN DAN KEBENARAN MENGADAKAN MAJLIS/TAKLIMAT KURNIA
BERSAMA AHLI-AHLI KURNIA UIAM KAMPUS KUANTAN**

Merujuk kepada surat saudara yang bertarikh 4 Mac 2009, perkara di atas adalah dirujuk.

Dengan ini pihak kami tiada halangan untuk mengizinkan taklimat di atas diadakan. Pihak kami telah memaklumkan kepada wakil-wakil kulliyah di Kampus Kuantan untuk membenarkan staf mereka menghadiri program tersebut pada 11 Mac 2009 bertempat di Auditorium Kulliyah Perubatan, Kampus Kuantan ketika Mesyuarat Pentadbiran Kampus Kuantan pagi tadi (6/3/2009).

Saudara boleh menghubungi saya jika terdapat sebarang pertanyaan atau sekiranya memerlukan sebarang bantuan di talian 09-571 6411.

Sekian, terima kasih. والسلام


SABIRAH ABDULLAH
Penolong Pengarah
Pejabat Pengarah Kampus
UIAM Kuantan

c.c. Rektor UIAM
Pengarah (Pentadbiran), Pejabat Pengarah UIAM Kuantan
Presiden Kurnia





KESATUAN KAKITANGAN AM
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (KURNIA)
(General Staff Union)
(Ditubuhkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959, No. Pendaftaran : 711)
JALAN GOMBAK, 53100 KUALA LUMPUR, MALAYSIA
TELEFON / FAX : 03 - 6196 5755

Tarikh : 04hb Mac Februari 2009/ 7 Rabi' al-Awwal 1430H (Rabu)
Rujukan kami : IUM/21/3/1

YBhg. Prof. Dato' Sri. Dr. Syed Arabi Syed Abdullah Idid
Rektor UIAM

Assalamu'alaikum wrt. wbt.

Tuan,

MAKLUMAN MAJLIS TAKLIMAT KURNIA BERSAMA AHLI-AHLI DI UIAM KAMPUS KUANTAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa KURNIA akan mengadakan majlis taklimat bersama ahli-ahli di UIAM Kampus Kuantan. Maklumat lanjut seperti berikut:

Tarikh : 11hb Mac 2009 (Rabu)
Tempat : UIAM Kampus Kuantan
Waktu : 9.00 pagi - 5.00 petang


Untuk makluman YBhg. Tuan, program adalah untuk KURNIA memberikan penerangan kepada ahli-ahli. Selain itu juga majlis akan turut dihadiri oleh YBhg. Tuan Haji Omar Osman yang merupakan Presiden CUEPACS merangkap Pengerusi GAKUM.

Kerjasama dan bantuan dari pihak YBhg. Tuan, kami ucapkan terima kasih. Jazakallah Khairan kathira.

Wassalam.

"PENGGERAK MATLAMAT"

Yang menjalankan tugas,


SAUPI AZRAN BIN MUHAMAD TAMJIS
Setlajanya,
Kesatuan Kakitangan Am
International Islamic University Malaysia
(KURNIA)

PROF. DATO' SRI DR. SYED ARABI IDID 06/3/09
Rector
International Islamic University Malaysia

<http://www.iiu.edu.my/kurnia>





KESATUAN KAKITANGAN AM
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (KURNIA)
(General Staff Union)
(Ditubuhkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959, No. Pendaftaran : 711)
JALAN GOMBAK, 63100 KUALA LUMPUR, MALAYSIA
TELEFON / FAX : 03 - 6196 5755

Rujukan kami: IIUM/21/3/1

Tarikh: 17hb Mac 2009/20 Rabi'ul Awwal 1430H (Selasa)

Pengarah Eksekutif
Bahagian Perkhidmatan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(U.P: En. Mir Azrul bin Shabarudin)

Assalamu'alaikum wrt. wbt.

Tuan,

JAWAPAN SURAT TUNJUK SEBAB:

- Taklimat KURNIA Bersama Ahli-Ahli Di Kampus Cawangan UIAM Kuantan

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada surat tuan bertarikh 16hb Mac 2009 berhubung dengan perkara di atas.

Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, pihak kami telah menghantar surat permohonan bertarikh 4hb Mac 2009 kepada Bahagian Perkhidmatan Pengurusan (MSD) dan lanjutan daripada itu kami telah menerima maklumbalas dari pihak tuan bertarikh 5hb Mac 2009 yang ditangani oleh Puan Siti Zainab bt Tauhed yang mana menyatakan bahawa pihak pengurusan tiada halangan ke atas penganjuran program tersebut sekiranya tarikh program dipinda kepada hari Jumaat dan hanya memberi pelepasan bertugas kepada lima (5) orang ahli jawatankuasa sahaja dengan tanpa memberi justifikasi kenapa tidak boleh diadakan pada hari Rabu.

Kami ingin memaklumkan kepada tuan bahawa kami telah mendapat kebenaran secara bertulis dari Pejabat Pengarah UIAM Kampus Kuantan bertarikh 6hb Mac 2009 yang mana ianya selaras dengan keputusan Mesyuarat Pentadbiran Kampus Kuantan. Selain dari itu, surat dari Pejabat Rektor bertarikh 4hb Mac 2009 juga menyatakan bahawa tiada halangan bagi kami untuk mengadakan program ini. Bersama-sama ini kami sertakan salinan surat yang berkaitan untuk rujukan pihak tuan.

- i. Surat Kebenaran dari Pejabat Pengarah UIAM Kampus Kuantan
(No. Ruj.: IIUM/220/G/9/6 bertarikh 6hb Mac 2009)
- ii. Surat makluman kepada Rektor UIAM
(No. Ruj.: IIUM/21/3/1 bertarikh 4hb Mac 2009)

Di sini ingin juga kami maklumkan kepada pihak tuan bahawa taklimat kami bermula pada jam 12.00 tengahari. Berhubung dengan keputusan untuk meneruskan juga penganjuran program pada tarikh yang di pohon, pihak KURNIA mempunyai alasan yang kukuh kenapa tarikh program tidak boleh di ubah sebagaimana yang dinyatakan di bawah ini.

/2...

- i. **Pertama**, wakil kesatuan di kampus Kuantan telah membuat persiapan sejak dari awal dan pihak KURNIA tidak mahu menyulitkan dan membebankan setelah segala perancangan siap diatur.
- ii. **Kedua**, kesediaan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) iaitu Tuan Haji Omar bin Osman telah sudi untuk bersama-sama di dalam taklimat tersebut. Dan di kesempatan yang ada terpaksa kami rebut memandangkan beliau mempunyai jadual yang begitu ketat. Atas alasan ini jugalah maka kesemua AJK yang terlibat di dalam penganjuran program ini telah sanggup berkorban dengan mengambil cuti tahunan sendiri walaupun pada pandangan kami kekangan yang sengaja diadakan itu tidak sepatutnya berlaku. Ini juga bertepatan dengan saranan Perdana Menteri Malaysia agar Presiden CUEPACS turun bertemu dengan kakitangan awam di semua agensi Kerajaan.
- iii. **Ketiga**, juga untuk makluman pihak tuan sebagai kelompok yang mewakili sebahagian besar kakitangan sokongan I dan II, adalah menjadi tanggungjawab KURNIA untuk memberikan maklumbalas terkini dan mutakhir kepada semua kakitangan berhubung dengan isu-isu semasa. Selain daripada itu, perancangan untuk bertemu dengan kakitangan sokongan UIAM di kampus cawangan Kuantan sememangnya telah lama dirancang, cuma keadaan semasa tidak mengizinkan dan adalah tidak adil jika janji tersebut tidak ditunaikan. Untuk makluman pihak tuan juga, perjumpaan ini adalah perjumpaan yang pertama kalinya KURNIA secara rasmi dengan pihak kesatuan di sana walaupun KURNIA telah lama ditubuhkan.
- iv. **Keempat**, tidak dinafikan bahawa hari Jumaat adalah hari yang memang penuh dengan keberkatan. Tetapi memandangkan perjalanan untuk ke kampus Kuantan memakan masa yang agak panjang, pelepasan pada hari Jumaat berkemungkinan menyebabkan pihak KURNIA kesuntukan masa atau mempunyai masa yang terhad dalam taklimat tersebut. Persoalan kami, mengapa pihak MSD tidak dapat memberikan kerjasama dan bertolak ansur dengan pihak KURNIA? Apakah perbezaannya di antara hari Rabu dan Jumaat kalaulah sekadar satu jam setengah lebihnya waktu rehat sedangkan program ini untuk kebaikan kakitangan? Makluman untuk pihak tuan bahawa maklumbalas yang kami terima daripada program yang dianjurkan di kampus Kuantan amatlah memberangsangkan dan mendapat sokongan yang amat baik dan padu dari kalangan pihak pentadbiran terutamanya dan ahli-ahli akademik amnya.

Akhir kata, pihak kami ingin menegaskan bahawa apa juga yang kami lakukan adalah demi kebajikan bersama yakni pihak universiti dan kakitangannya. Tidak timbul sama sekali bahawa kami mengengkar arahan pihak atasan dan pengurusan UIAM. Apa yang kami harapkan dari pihak tuan, agar dapat memberikan sedikit ruang dan kerjasama yang baik kepada kami demi perjuangan kakitangan keseluruhannya.

Di kesempatan ini kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan pihak tuan di dalam setiap urusan yang berkaitan dengan KURNIA. Jazakallahu Khairan Kathira.


/3...

"Jika kejahatan dibalas kejahatan, maka itu adalah dendam. Jika kebaikan dibalas kebaikan itu adalah perkara biasa. Jika kebaikan dibalas kejahatan, itu adalah zalim. Tapi jika kejahatan dibalas kebaikan, itu adalah mulia dan terpuji."
(La Roche).

"PENGGERAK MATLAMAT"

Yang menjalankan tugas,

Wassalam.



SAUPI AZRAN BIN MUHAMAD TAMJIS
Setiainsaha
Kesatuan Kebajikan Am (KURNIA)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Salinan kepada :



: Y. Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan
Presiden, ULAM/
Ketua Setiainsaha Negara

: Y. Bhg. Prof. Dato' Sri Dr. Syed Arabi Idid
Rektor, ULAM

: Tuan Haji Wan Mohd Hilmi b. Wan Kamal
Pengerah Eksekutif, MSD

: Tuan Haji Omar Osman
Presiden CUEPACS Malaysia

Muhammad Shahrir b. Mohd Shariff
Presiden, KURNIA



(Company No. 101067-P)

الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُؤْنَسُ بِرَبِّهِنَّ أَنْتَ إِذَا رَأَيْتَ مَلِيئَةً



SIRIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001:2000
Registration No: AR 4007

Our Reference: IIUM/202/21/3
(Rujukan Kami)

Date: 16 Mac 2009
(Tarikh)

En. Saupi Azran bin Mohd Tamjis
Setiausaha KURNIA /
Perpustakaan UIAM

Tuan,


Assalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh

**SURAT TUNJUK SEBAB - TAKLIMAT KURNIA BERSAMA AHLI-AHLI DI UIAM
KAMPUS KUANTAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk surat tuan IIUM/202/21/3 bertarikh 4 Mac 2009 berkaitan perkara di atas.

2. Seperti yang Tuan sedia maklum, pihak kami telah memberikan pelepasan kepada lima (5) ahli KURNIA bagi tujuan menghadiri taklimat di Kuantan. Pihak kami juga telah menyatakan bahawa taklimat hendaklah diadakan pada hari Jumaat sahaja. Kedua-dua perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak tuan melalui surat kami ruj. IIUM/202/21/3 bertarikh 5 Mac 2009.
3. Walau bagaimanapun, kami telah mendapati pihak KURNIA telah mengumumkan melalui e-mel kepada semua kakitangan bahawa taklimat tersebut akan diadakan pada hari Rabu, 11 Mac 2009. Menurut maklumat yang telah kami terima, taklimat tersebut telah diadakan pada jam 11.00 pagi - 1.00 tengahari pada hari tersebut.
4. Oleh yang demikian, kami memohon pihak tuan sebagai Setiausaha KURNIA untuk memberi penjelasan bertulis kepada pihak kami mengenai perkara ini dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh surat ini.

Sekian, *Wassalam*.


MIR AZRUL SHAHARUDDIN
b/p Pengarah Eksekutif
Bahagian Perkhidmatan Pengurusan

s.k. : En. Muhammad Shahrir Mohd. Shariff
Presiden KURNIA / Perpustakaan UIAM, Gombak

: En. Mohd. Yazid Ahmad
Naib Presiden KURNIA / Kuliyah Kejuruteraan

MIR/ta